

Bekas juruterbang TUDM antara 6 OKU daftar di USM

B-M 29/06/08 Mks 11

Oleh Norakmah Mat Youb

GEORGETOWN: Bekas juruterbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang terbabit dalam kemalangan udara empat tahun lalu, Kapten Yuhaizam Yahaya, adalah antara enam pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) yang mendaftar di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, semalam.

Yuhaizam, 37, yang terpaksa berkerusi roda selepas kemalangan itu, berkata cita-citanya adalah menuntut ilmu sebanyak mungkin supaya dapat memperbaiki kemudahan untuk OKU di negara ini.

Beliau yang kini berkhidmat sebagai pegawai operasi di No 3 Skuadron TUDM, Butterworth, berkata kekurangan kemudahan mesra OKU menyebabkan golongan itu tidak menikmati kehidupan dengan baik.

"Selepas mengalami sendiri, baru saya faham apa yang dihadapi mereka dan ia membuatkan semangat saya lebih berkobar-kobar untuk melanjutkan pelajaran," katanya ketika ditemui di USM, semalam.

Yuhaizam yang mengikuti program Pengajian Sains Kemasyarakatan, berkata bidang itu mampu mendekatkan dirinya dengan masyarakat luar, sekali gus membantunya melengkapkan pengajiannya.

Yuhaizam hilang keupayaan kekal selepas helikopter Nuri yang dikemudikan terhemas di kawasan perumahan di Butterworth pada 5 Mac 2004.

Kecederaan serius menyebabkannya terlarut di Hospital Pulau Pinang selama tiga



DIPILIH: Dzulkipli (kiri) bertanya sesuatu kepada Yuhaizam (tengah) di USM Georgetown, semalam.

“Selepas mengalami sendiri, baru saya faham apa yang dihadapi OKU”

Yuhaizam Yahaya
Bekas juruterbang TUDM

bulan dan terpaksa menjalani rawatan di Kuala Lumpur selama setahun sebelum boleh kembali bekerja.

Sementara itu, Naib Canselor USM, Tan Sri Dzulkipli Abdul Razak, berkata USM berhasrat menjadi pelopor kepada inisiatif baru menyediakan peluang lebih luas untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.